



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## MERENCANA PEMBANGUNAN MYSMART WILAYAH

Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (MySmart Wilayah 2030) yang dilancarkan hari ini bertujuan bagi merangka dan memandu arah dalam perancangan dan pembangunan bandar pintar melalui penerapan teknologi digital di Wilayah Persekutuan. Matlamatnya adalah menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandaraya Berkelas Dunia atau World Class Cities dengan visinya bagi mentransformasikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Wilayah Pintar atau Smart Wilayah yang berdaya huni, mampan dan pintar menjelang 2030.

Blueprint ini menggariskan **25 Dasar, 76 Tindakan, 118 Indikator dan 25 Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** melibatkan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Dasar-dasar yang digariskan meliputi tujuh (7) komponen utama iaitu **smart governance, smart economy, smart living, smart environment, smart people, smart mobility and smart infrastructure**.

Cabaran yang dihadapi di setiap wilayah di dalam Wilayah Persekutuan adalah berbeza. Kuala Lumpur, misalnya dijangka akan menghadapi peningkatan kadar pertumbuhan penduduk daripada 1,910,60 orang pada tahun 2020 kepada 2,254,00 orang pada tahun 2040. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara pula menghadapi masalah berbeza, salah satunya adalah kelajuan internet (speed internet) selain memerlukan pangkalan data yang berpusat, berintegrasi dan Big Data Solution. Sementara itu, salah satu cabaran utama di Labuan pula adalah tahap kemudahsampaian yang rendah dan tahap pengangkutan yang kurang memuaskan.

Secara dasarnya MySmart Wilayah 2030 memberi fokus untuk meningkatkan kualiti hidup melalui penggunaan teknologi dan pelaksanaan inisiatif pintar, serta memperkasakan dan mewujudkan masyarakat pintar melalui digitalisasi, inovasi dan nilai moral yang baik. Menerusi Blueprint ini, ia turut menterjemahkan hasrat Wilayah Prihatin yang mengandungi 13 cakna utama yang memayungi dasar, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sekaligus elemen ease of doing business, sustainability, persaingan ekonomi yang kukuh serta pembangunan infrastruktur yang mampan dapat diterapkan.

Selain menjadi garis panduan dan perancangan bagi menghadapi cabaran berbeza di wilayah yang berbeza di Wilayah Persekutuan, Blueprint MySmart Wilayah 2030 juga dirangka bagi membolehkan kebijikan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan daripada aspek keselamatan, pendidikan, kesihatan, alam sekitar yang bersih dan komuniti pintar terus terbela.

Ia juga dirangka bagi membolehkan ekonomi rakyat ditingkatkan menerusi pelaksanaan ekonomi digital seperti memudahkan urusan perniagaan dan transaksi jual beli secara atas talian. Usaha ini juga dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang teknologi,

inovasi dan digital seperti robotik, keusahawanan, industri tempatan dan pelancongan pintar. Dari segi pendidikan pula, MySmart Wilayah dapat membantu meningkatkan keupayaan platform pembelajaran secara pintar dan interaktif seperti digital classroom dan digital library.

Dalam aspek keselamatan pula, rakyat akan dapat menikmati kehidupan bandar yang selamat dengan peningkatan instrument seperti CCTV, panic button, Comand Centre dan Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED).

Selain itu, blueprint ini turut menyediakan perancangan ke arah penyediaan pengangkutan awam yang murah, mudah dicapai dan efisien melalui penggunaan ICT, teknologi dan digitalisasi. Pelaksanaan MYSmart Wilayah ini juga dapat meningkatkan tahap liputan dan kelajuan capaian internet serta kemudahan WIFI percuma kepada rakyat dalam melaksanakan aktiviti harian secara atas talian seperti mendapatkan maklumat perkhidmatan kerajaan, membuat transaksi perniagaan tanpa tunai (cashless society), menghadiri kelas atas talian dan sebagainya.

MySmart Wilayah 2030 yang disediakan akan memberikan panduan kepada agensi-agensi pelaksana ruang dan peluang yang tersusun untuk bekerjasama dengan Jabatan dan agensi di bawah KWP dalam melaksanakan inisiatif - inisiatif bandar pintar melalui penerapan Revolusi Industri 4.0, Internet of Things (IoT), Big Data, Artificial Intelligent (Ai) serta teknologi 5G. MySmart Wilayah 2030 ini juga dapat membantu Kementerian dalam menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran secara pintar di Wilayah Persekutuan yang dapat memenuhi agenda nasional dan global.

**Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa  
Menteri Wilayah Persekutuan  
8 April 2021**